



RUMAH TELE TERENGGANU

OLEH: *

WAN JEFRI BIN WAN JAAFAR

DIPLOMA SENIBENA TAHUN EMPAT

INSTITUT TEKNOLOGI MARA, SHAH ALAM,
SELANGOR.

80-100956.

Pendahuluan

Didalam memenuhi kehendak kursus yang telah dinyatakan tajuk 'Rumah Tele Terenyganu' telah dipiiih. Ini memandangkan kepada penting dan perlunya dibuat kajian terhadap rumah-rumah tradisi kemegahan orang melayu yang semakin hari kian luput.

Secara amnya, kaj iselidek yang dibuat ini merangkumi sejarahnya, fizikalnya yang merangkumi rekabentuk dan sistem pembinaan serta falsafahnya yang merangkumi konsep-konsep dan makna disebalik anggota-anggota rumah tersebut.

Sejarahnya yang memaparkan bagaimana terbentuknya nama dan bangunan tersebut serta menyatakan perhubungan diantara kerajaan Siam dengan Terengganu pada masa dahulu memberi sedikit sebanyak gambaran yang jelas perkembangannya diperingkat awal.

Rekabentuknya yang unik dan sistem serta pembinaannya yang terkenal dengan sistem penyambungan yang kukuh dan setengahnya tanpa menggunakan paku serta yang mana membuatkan ianya boleh dicabut dan dipindahkan dapat memberi gambaran bagaimana praktik dan kebijanya sistem yang digunakan pada zaman dahulu.

Falsafah-falsafah yang dilambangkan melalui anggota rumah yang mana segala matlamat dan fahaman Islam disampaikan melalui anggota-anggota rumah dari ukiran-ukiran yang dilambangkan dengari makna-makna tertentu. Ini memberi gambaran yang jelas betapa telitinya orang-tua dahulu didalam memikirkan rekabentuk mereka, yang mana bukannya sahaja keindahan gambaran luarnya tetapi keindahan disebaliknya juga yakni batita.

Hasil daripada kajian ini, diharapkan, dapatlah kita sama-sama mengamati dan memikirkan tentang keagongan seni bina kita yang patut kita kekalkan serta mencari ilham dan idea-idea baru yang berlandaskan ilham-ilham dan teknik-teknik lama yang mungkin boleh diperbaharui agar-agar tercapai apa yang dikatakan Identiti ienibena Malaysia.